

## RINGKASAN EKSEKUTIF

|                                       |   |                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|---------------------------------------|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <u>KERTAS CADANGAN</u>                | : | <b>PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK MELAKSANAKAN KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT MINI (MTEX) WILAYAH SARAWAK 2021 SECARA ATAS TALIAN</b>                                                                                                                                 |
| <u>TARIKH</u>                         | : | <b>16 JUN 2021</b>                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <u>TEMPAT</u>                         | : | <b>ATAS TALIAN, KUCHING SARAWAK</b>                                                                                                                                                                                                                                      |
| <u>KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN</u> | : | <b>RM5,550.00 (RUJUK LAMPIRAN 1)</b>                                                                                                                                                                                                                                     |
| <u>WILAYAH</u>                        | : | <b>PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK (SKO)</b>                                                                                                                                                                                                                                 |
| <u>BAKI PERUNTUKAN YANG ADA</u>       | : |                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <u>TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</u>     | : | .....<br><b>(WAN NURHANI WAN KHALID)</b>                                                                                                                                                                                                                                 |
| <u>KOMEN</u>                          | : |                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <u>TANDATANGAN PENGURUS PCT</u>       | : | .....<br><b>(MAHADI HASBULLAH)</b>                                                                                                                                                                                                                                       |
| <u>IMPAK KEPADA RAKYAT</u>            | : | <ul style="list-style-type: none"> <li>• DAPAT MENINGKATKAN PELAKSANAAN PROGRAM DENGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI YANG MEMBERIKAN IMPAK LEBIH BESAR KEPADA PESERTA</li> <li>• DAPAT MENGURANGKAN KOS PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM PENINGKATAN PRODUKTIVITI OLEH MPC</li> </ul> |

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA**  
**KERTAS CADANGAN MELAKSANAKAN**  
**KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT MINI (MTEX)**  
**WILAYAH SARAWAK 2021 SECARA ATAS TALIAN**

**1.0 TUJUAN**

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi memohon bajet untuk melaksanakan Konvensyen Team Excellence Peringkat Mini (MTEX) Wilayah Sarawak 2021 secara atas talian.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 COVID-19 secara tidak langsung telah mengubah landskap operasi sesebuah entiti di Malaysia tanpa mengira bidang dan sektor untuk terus beroperasi bagi mengekalkan kelangsungan perniagaan.

2.2 Pelbagai aplikasi dan solusi teknologi kini telah menjadi medium popular kepada industri untuk memastikan operasi dapat dijalankan dan memenuhi keperluan pelanggan serta mematuhi peraturan semasa yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

2.3 Oleh yang demikian, seperti tahun 2020 sebahagian program Latihan, seminar dan pelaksanaan program MTEX 2020 yang lepas telah menggunakan model yang baharu iaitu melalui platform atas talian.

2.4 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan peruntukan berdasarkan kajian semula anggaran peruntukan bagi melaksanakan program tersebut menggunakan model baharu.

**3.0 OBJEKTIF**

3.1 Mengekalkan amalan perkongsian projek inovasi daripada organisasi yang menyertai program konvensyen.

3.2 Merupakan platform untuk kumpulan TE menambahbaik projek inovasi berdasarkan komen panel penilai bagi persediaan untuk ke peringkat Wilayah & Kebangsaan.

3.3 Memberi pendedahan kepada kumpulan TE baharu mengenai model baharu pelaksanaan program konvensyen.

#### **4.0 JUSTIFIKASI / FAEDAH-FAEDAH**

- 4.1 Pelaksanaan program secara atas talian adalah langkah proaktif bagi MPC dalam menawarkan program berbentuk digital secara holistik pada masa hadapan.
- 4.2 Kaedah pelaksanaan program yang dapat memberi nilai tambah kepada pelanggan-pelanggan MPC.
- 4.3 Untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat baharu dalam program anjuran MPC

#### **5.0 ANGGARAN PERBELANJAAN, HASIL DAN CADANGAN PROGRAM**

- 5.1 Anggaran hasil daripada sasaran penyertaan 20 kumpulan adalah sebanyak **RM 7,000.00**.
- 5.2 Anggaran perbelanjaan bagi program ini ialah sebanyak **RM5,550.00**
- 5.3 Anggaran hasil bersih bagi program ini adalah sebanyak **RM1,450.00**
- 5.4 Perincian anggaran perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### **6.0 CADANGAN / SYOR**

- 6.1 Adalah disyorkan agar Lembaga Pengurusan MPC dapat meluluskan permohonan bajet untuk melaksanakan Konvensyen Team Excellence Peringkat Mini (MTEx) Wilayah Sarawak 2021 sebanyak **RM 5,550.00**.

Disediakan oleh:



**(Khatijah Rahmat)**  
Penolong Pengurus  
MPC Wilayah Sarawak  
22 Mac 2021

Disemak oleh:



**(Hafiza Atha Ahmad)**  
Pengurus  
MPC Wilayah Sarawak  
22 Mac 2021

Disahkan oleh:



**(Semawi Zakaria)**  
B.p Pengarah Wilayah  
MPC Wilayah Sarawak  
23 Mac 2021

**ANGGARAN PERBELANJAAN**  
**KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE**  
**PERINGKAT MINI WILAYAH SARAWAK (MTEX) 2021**  
**PLATFORM: ATAS TALIAN (WEBINAR, GOTOMEETING, MICROSOFT TEAMS)**  
**TARIKH: 16 JUN 2021 (RABU)**

| MAKLUMAT YURAN                                            |                                                                |                         |                   |             |
|-----------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|-------------------------|-------------------|-------------|
| 1.                                                        | Yuran Peserta                                                  | RM 350.00 / Kumpulan    |                   |             |
| 2.                                                        | Yuran Pemerhati                                                | Tiada bayaran dikenakan |                   |             |
| MAKLUMAT HASIL (A)                                        |                                                                |                         |                   |             |
| BIL                                                       | PESERTA                                                        | KUANTITI                | HARGA / UNIT (RM) | JUMLAH (RM) |
| 1.                                                        | Anggaran Kumpulan                                              | 20                      | 350.00            | 7,000.00    |
| 2.                                                        | Anggaran Pemerhati                                             | -                       | -                 | -           |
| Jumlah                                                    |                                                                | 20                      | Jumlah            | 7,000.00    |
| MAKLUMAT PERBELANJAAN (B)                                 |                                                                |                         |                   |             |
| BIL                                                       | PERBELANJAAN                                                   | KUANTITI                | HARGA / UNIT (RM) | JUMLAH (RM) |
| 1.                                                        | Trofi / Piala Penyertaan                                       | 20                      | 200.00            | 4,000.00    |
| 2                                                         | Trofi Anugerah untuk Most Promising & ICC Muda                 | 2                       | 250.00            | 500.00      |
| 3.                                                        | Hadiah Wang Tunai bagi Anugerah Khas Persembahan Video Terbaik | 1                       | 500.00            | 500.00      |
| 4.                                                        | Kos penghantaran trofi (kurier)                                | 22                      | 25.00             | 550.00      |
| PERBELANJAAN                                              |                                                                |                         |                   | 5,550.00    |
| JUMLAH HASIL / LEBIHAN = (A) RM 7,000.00- (B) RM 5,550.00 |                                                                |                         |                   | 1,450.00    |

\*Anggaran perbelanjaan tertakluk kepada perubahan (sekiranya ada pertambahan penyertaan)